



## HUME CEMENT INDUSTRIES BERHAD (HCIB)

### PERNYATAAN PIAWAIAN BURUH

**Hume Cement Industries Berhad** dan anak-anak syarikatnya ("kita", "kami" atau "HCIB") berhasrat untuk memupuk persekitaran kerja yang merangkumi semua golongan dan menyokong hak buruh pekerja kami. Ianya adalah kepercayaan kami bahawa semua pekerja patut dilayan dengan maruah, hormat, dan keadilan.

Berikut adalah prinsip-prinsip yang mencerminkan nilai-nilai kami:-

1. Keadaan kerja yang positif untuk pekerja-pekerja kami di mana diskriminasi dan gangguan adalah tidak diterima.
2. Larangan buruh kanak-kanak dalam operasi kami, di mana tiada pekerja yang berumur bawah umur minima yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia yang berkenaan.
3. Kecaman terhadap buruh paksa, iaitu di mana pekerja-pekerja dipaksa bekerja di luar kehendak mereka dan di mana mereka tidak dapat meninggalkan kerja disebabkan oleh ancaman atau hukuman daripada majikan mereka.
4. Pakej pampasan yang adil dan kompetitif untuk pekerja-pekerja berdasarkan kelayakan, set kemahiran, prestasi, senioriti dan pengalaman mereka.

Pernyataan HCIB di sini adalah bertujuan sebagai panduan untuk mempromosi dan menyokong hak buruh pekerja-pekerja kami dalam menjalankan perniagaan kami dan bukannya bertujuan untuk mengikat di sisi undang-undang meskipun kami mempunyai niat untuk menggunakan usaha yang munasabah dalam mematuhi pernyataan HCIB ini dengan niat baik. Oleh yang demikian, HCIB tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan dalam sebarang cara, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, untuk sebarang kerugian atau kerosakan tidak kira apa jua pun, atau mana jua ianya berbangkit, (sama ada untuk pelanggaran kontrak, tort (termasuk kecualian), salah nyata, waranti, tanggung rugi (indemnity), berkanun atau liabiliti ketat) yang berbangkit dari atau sehubungan dengan Pernyataan HCIB ini, atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan (sama ada ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, berbangkit, sampingan, khas atau teladan), tidak kira bagaimana ia terjadi atau dialami oleh sesiapa saja (sama ada secara langsung atau tidak langsung), yang berbangkit dari atau sehubungan dengan Pernyataan HCIB ini.

Diluluskan oleh,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "YBhg Datuk Kwek Leng San".

YBhg Datuk Kwek Leng San  
Pengerusi  
Tarikh: 6 Mei 2024